

PM lulus penubuhan PUB

PUB

MINGGU 3 Ogos - 4 AUG 1991

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad telah meluluskan penubuhan Perbadanan Usahawan Bumiputera (PUB) minggu lepas dalam usaha kerajaan membantu melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera yang berkualiti dan berwibawa.

Menteri Kewangan, Dato' Sri Anwar Ibrahim memberitahu, PUB akan dilancarkan dengan rasmi oleh Perdana Menteri

sebelum akhir tahun ini yang akan diletakkan di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputera (PB).

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung yang ke 15 Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia Cawangan Perlis di sebuah hotel terkemuka di sini hari ini beliau berharap peranan PUB akan benar-benar berkesan.

Katanya, pihak kerajaan telahpun meluluskan peruntukan sebanyak \$200 juta kepada PB untuk membantu melahirkan para usahawan baru bumiputera di negara ini supaya mereka dapat lahir sebagai usahawan yang sanggup bersaing.

Dato' Sri Anwar berkata, matlamat kerajaan bukan hendak melahirkan seorang dua sahaja usahawan bumiputera yang berjaya, tetapi melebihi 30 atau 40 orang setahun untuk menjadi pengusaha yang sanggup bersaing.